

14/05/1997

Negara bantu mangsa gempa bumi Iran

KUALA LUMPUR, Selasa - Malaysia akan menghantar bantuan kepada mangsa gempa bumi di Iran, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, jumlah sumbangan yang akan dihantar akan diputuskan oleh Kabinet esok.

"Kita akan hantar seperti biasalah, tetapi jumlahnya belum ditentukan lagi," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen, hari ini.

Iran yang dilanda bencana gempa bumi beberapa hari lalu merayu kepada masyarakat antarabangsa supaya memberi bantuan kemanusiaan kepada mangsa bencana itu.

Gempa bumi itu dilapor mengakibatkan kerugian kira-kira AS\$150 juta (RM375 juta) kepada negara itu. - Bernama

(END)